

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1993/94

April 1994

HMP 304 Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM
TIGA [3] MUKA SURAT.

ARAHAN

- Jawab LIMA [5] soalan, TIGA [3] soalan daripada Bahagian A dan DUA [2] soalan daripada Bahagian B. SOALAN NO. 6 daripada Bahagian B WAJIB dijawab.
- Tulis Bahagian dan Nombor Soalan secara berurutan (yang dijawab sahaja) pada muka surat hadapan kertas jawapan.
- Tulisan MESTILAH JELAS dan MUDAH DIBACA (tulisan yang sukar dibaca akan mengurangi markah peperiksaan).
- Setiap soalan hendaklah dijawab pada muka surat yang baru.
- Semua jawapan mestilah ringkas, tepat, jelas dengan menggunakan BAHASA MELAYU TINGGI.

BAHAGIAN A - Jawab TIGA [3] soalan

1. **SAMA ADA**

- (a) "Teori yang mengatakan bahawa bangsa dan bahasa Melayu berasal dari Asia Tengah adalah teori yang lebih diterima umum."

Huraikan pendapat serta alasan anda bagi menyokong pernyataan di atas dan apakah ciri-ciri yang mendasari teori tersebut.

(20 markah)

ATAU

- (b) "J. Crawford berpendapat bahawa orang Melayu tidak berasal dari mana-mana tetapi sememangnya sudah sedia ada di Kepulauan Nusantara itu sendiri dan ia merupakan induk serta agen bagi menyebarkan bahasa Melayu ke tempat lain."

Mengapakah beliau berpendapat demikian dan bagaimanakah anda dapat membuktikannya bagi menyokong pendapat di atas.

(20 markah)

2. Batu Bersurat Kedukan Bukit (683 M)
Batu Bersurat Talang Tuwo (684 M)
Batu Bersurat Kota Kapur (686 M)
Batu Bersurat Karang Brahi (692 M)
Batu Bersurat Kuala Berang (1303 M)

Bandingkan kelima-lima Batu Bersurat di atas dan hubungkaitkan dengan sejarah perkembangan bahasa Melayu.

(20 markah)

3. Kesusasteraan Hindu, Jawa dan Arab dapat digariskan sebagai tuggak ke arah perkembangan bahasa Melayu moden.

Bagaimanakah hasil kesusasteraan ini dapat memperkaya budaya bahasa Melayu hingga ke hari ini sekaligus menaikkan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa serantau.

(20 markah)

4. Kedatangan Islam telah menampakkan suatu kelainan dan kepelbagaian serta membawa nilai perubahan dan pembaharuan ke atas bahasa Melayu yang bersifat dinamik.

Galurkan nilai perubahan dan pembaharuan tersebut yang bermula di Melaka dan kemudiannya berpindah ke Aceh sehinggalah kuasa Eropah mula bertapak di Nusantara.

(20 markah)

5. Bahasa Melayu banyak meminjam dan menyadur bahasa asing.

Nyatakan bagaimanakah keadaan ini boleh berlaku dan apakah manfaatnya kepada perkembangan bahasa Melayu.

(20 markah)

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan. SOALAN NO. 6 WAJIB
dijawab

6. Di dalam menuju ke tahun 2020, bahasa Melayu sudah pasti tercabar kedudukan dan kewibawaannya apabila bahasa Inggeris memperlihatkan kepentingannya di dalam kemajuan Sains dan Teknologi, Komunikasi, Korporat, Perniagaan dan sebagainya.

Apakah cabaran yang dihadapi oleh bahasa Melayu dan di manakah kedudukannya masa kini dan pada masa hadapan. Sarankan beberapa langkah bagi memastikan bahawa bahasa Melayu tetap unggul lagi berdaulat hingga ke tahun 2020.

(25 markah)

7. Penubuhan Pejabat Karang Mengarang dan Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mengorak langkah ke arah mendukung serta mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa yang utama.

Bincangkan perbezaan peranan di antara kedua-dua pertubuhan tersebut daripada sudut peristilahan, penerbitan dan penerjemahan serta kesannya terhadap perkembangan bahasa Melayu hingga ke hari ini.

(15 markah)

8. Pelita Bahasa Melayu menunjukkan beberapa hasil tulisan Z'aba atau Zainal Abidin bin Ahmad yang amat berharga. Umumnya hasil tulisan Z'aba banyak dipengaruhi oleh latar belakang pendidikannya.

Bincangkan bagaimanakah faktor ini dapat mempengaruhi sistem nahu (tatabahasa) di dalam perkembangan bahasa Melayu.

(15 markah)